

# Ucapan Dr. M diduga keras

Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH

NEW YORK, Selasa — Isu Antartika yang akan ditonjolkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan su-lungnya di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di sini esok dijangka menarik perhatian dunia terhadap pendirian Malaysia sebagai negara berkecuali yang tidak mementingkan diri sendiri.

Ucapannya yang dijangka keras akan menggesa supaya Benua Antartika di Kutub Selatan itu dipelihara untuk faedah manusia sejagat bukannya untuk kepentingan negara tertentu atau segolongan negara sahaja.

Malaysia mengambil daya utama menimbulkan isu tersebut kerana tidak mahu benua salji tanpa manusia itu dijadikan pengkalan tentera mana-mana kuasa besar atau tujuan-tujuan yang mengancam keamanan dunia.

"Walaupun isu ini suatu yang baru, Malaysia mengambil inisiatif menyedarkan dunia betapa perlunya langkah awal diambil bagi mengelakkan sebarang krisis seperti krisis Falklands yang menetuskan perang antara Britain dan Argentina berulang lagi."

Demikian dijelaskan oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dalam taklimatnya kepada para wartawan Malaysia di sini hari ini.

## Menuntut

Katanya, inisiatif Malaysia ini akan diikuti dengan usaha-usaha diplomatik bagi mencari sokongan negara-negara dunia terhadap isu itu. Adalah dijangka isu Antartika akan popu-lar terutama di kalangan negara-negara membangun yang kecil.

Pendirian Malaysia terhadap isu ini menjelaskan betapa kita tidak tamak atau mementingkan diri sendiri seperti sesetengah negara lain, ujarnya.

Menurut Tan Sri Ghazali lagi, Malaysia berpendapat, benua salji di Kutub Selatan itu akan ditadbir melalui proses undang-undang antarabangsa supaya manusia sejagat seluruh dunia mendapat faedah.

Dunia sekarang semakin kecil. Konsep menuntut wilayah berdasarkan siapa yang pertama memacak ben-

deranya di situ tidak sepatutnya berlaku lagi sekarang, jelas beliau.

Benua Antartika dituntut oleh beberapa negara termasuk Australia, Norway dan New Zealand pada tahun 1959 tetapi tidak diakui oleh negara-negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Russia dan Jepun.

Sebagai langkah supaya tuntutan itu tidak dibangkitkan lagi, satu perjanjian yang dikenali sebagai Perjanjian Antartika ditandatangani pada tahun 1961 yang disertai bersama oleh kuasa-kuasa besar.

Perjanjian tersebut yang kini dianggotai oleh 20 negara bertujuan mewujudkan kerjasama penyelidikan saintifik di Antartika di kalangan negara-negara anggota.

Malaysia berpendapat, Perjanjian Antartika yang akan tamat tempohnya pada tahun 1991 diperluaskan lagi supaya negara-negara lain di dunia dapat menyertainya.

Buat masa ini keahlian perjanjian itu bukan secara automatik walaupun ia terbuka kepada semua negara. Negara yang ingin menyertai perjanjian itu disyaratkan menunjuk minatnya terhadap penyelidikan di benua itu, seperti menghantar pasukan penyelidikannya ke situ.

Menurut Tan Sri Ghazali, Malaysia juga mahu supaya perjanjian itu memberi perhatian berat terhadap eksploitasi sumber alam di benua itu supaya ia benar-benar memberi faedah kepada manusia sejagat di dunia. Buat masa ini perkara itu tidak ditegaskan dalam perjanjian itu.

No. S

No. P